

06 MAR 1999  
Sabah-Dompok  
DOMPOK TETAP YAKIN DI MOYOG

KOTA KINABALU, 6 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok yang mengisytiharkan beliau akan meninggalkan politik jika tewas di Moyog dalam pilihan raya negeri kesembilan ini, tetap yakin rakyat Sabah akan menyokongnya apabila pengundian berlangsung 12 dan 13 Mac ini.

"Jika mereka menolak kita, maka itulah keputusannya tetapi saya yakin itu tidak akan berlaku," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataannya Khamis lepas bahawa jika rakyat menolaknya pada pilihan raya ini, beliau tidak mempunyai pilihan kecuali mengundur diri.

"Saya memberi perhatian amat berat pada pilihan raya ini dan jika penduduk di Moyog menolak saya dan memilih pembangkang, itu bermakna mereka menolak agenda dan wawasan saya untuk membawa pembangunan kepada mereka," katanya.

Ketika ditanya mengenai peluang Barisan Nasional dalam pilihan raya ini, Dompok berkata: "Kita diberi sambutan baik di semua kawasan termasuk kawasan Kadazandusun."

"Terdapat perbezaan ketara antara pilihan raya 1994 dan kali ini. Saya berpendapat masyarakat Kadazandusun tidak mahu ketinggalan daripada segi pembangunan," katanya.

Ketika ditanya mengenai isu yang dibangkitkan oleh pembangkang khususnya berkaitan hak negeri, Dompok berkata rakyat akan sedar bahawa ianya satu mainan politik semasa pilihan raya untuk menakut-nakutkan mereka.

Katanya hubungan yang baik dengan kerajaan persekutuan telah memberi banyak manfaat kepada Sabah.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad datang untuk memberikan sokongan penuh kepada kerajaan negeri dan ini menunjukkan kita tidak silap dalam menjalin kerjasama yang baik dengan Kuala Lumpur," kata Dompok.

-- BERNAMA  
JS MAI